

## **'HUASHAN ROCK ART' DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA ETNIK LUOYUE, GUANGXI, CHINA**

***('HUASHAN ROCK ART' ON THE SOCIOCULTURAL CONTEXT OF  
LUOYUE ETHNIC, GUANGXI, CHINA)***

**Adnan Jusoh & Yunus Sauman @ Sabin**

### **Abstrak**

---

Artikel ini menfokuskan tentang keistimewaan lukisan gua di *Huashan Rock Art*, Guangxi, China. Objektif penulisan ini adalah untuk mengetengahkan motif lukisan gua di *Huashan Rock Art* kerana ia menampilkan motif yang pelbagai saiz yang dipaparkan pada dinding gua di tapak tersebut. Walaupun telah disenaraikan sebagai salah satu tapak warisan dunia pada 2016, namun tidak ramai orang awam yang mengetahui tentang kewujudan dan keistimewaan yang ada di tapak ini. Malahan kini tapak *Huashan Rock Art* telah menjadi tumpuan pelawat dari serata dunia untuk melihat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan lukisan gua dalam konteks arkeopelancongan. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat rujukan di perpustakaan bagi mendapatkan bahan sama ada dalam bentuk jurnal atau buku. Selain itu, penulisan ini adalah berdasarkan pemerhatian sewaktu membuat lawatan ke tapak berkenaan pada 15 April 2017 di bawah program *The Second China-ASEAN Ethnic Cultural Forum*. Hasil kajian mendapati sungguhpun tapak lukisan gua banyak di serata dunia sebenarnya terdapat beberapa keistimewaan berkaitan dengan tapak *Huashan Rock Art*. Antaranya ialah semua lukisan gua di tapak ini menggunakan hematit iaitu sejenis bahantara yang sering digunakan untuk menghasilkan lukisan gua. Selain itu, sebahagian besar lukisan gua di tapak ini didapati masih utuh dan terpelihara. Terdapat tiga jenis klasifikasi motif lukisan gua yang dipaparkan iaitu motif manusia, artifak dan binatang, namun motif manusia sangat dominan berbanding yang lain. Di samping itu, berdasarkan motif lukisan gua yang dipaparkan tersebut didapati ia amat sinonim dengan sosiobudaya masyarakat setempat sehingga ke hari ini.

---

**Kata kunci:** *Huashan Rock Art*, sosiobudaya, lukisan gua, hematit & motif

### **Abstract**

---

*This article focuses on the special position of cave paintings in Huashan Rock Art, Guangxi, China. The objective of this study is to expose the motifs of cave paintings in Huashan Rock Art as it portrays different sizes in the walls of the cave. Eventhough it is listed as a world heritage site in 2016 but its existence is unknown to the general public. In fact, the Huashan Rock Art site now has become an attraction to visitors worldwide to observe the preservation and restoration of the cave paintings in the context of archeotourism. This study uses qualitative methods using library research to obtain resources both from journals and books. Other than that, the study is based on our site visit on 15 April 2017 under The Second China-ASEAN Ethnic Cultural Forum. As the result of the study, eventhough there are many cave paintings all over the world but the Huashan Rock Art is so*

*special as the site uses hematite, that is, a medium that are normally used to produce cave paintings. Furthermore, a bigger part of the cave paintings in the site is still strong and preserved. There are three classifications on the motifs of the cave paintings, that is, human motifs, artifacts and animals but the human motifs are more dominant compared to the others. Similarly, based on the cave paintings shown, there seems to be strong resemblance with the sociocultural part of the present society.*

---

**Keywords:** *Huashan Rock Art, socioculture, rock painting, hematite, motif*

## PENGENALAN

China merupakan negara yang ketiga terbesar di dunia dan pada masa yang sama ia juga adalah sebuah negara yang terbesar di Asia iaitu dengan keluasaan kira-kira 9,600,000 km<sup>2</sup>. China terdiri daripada 22 buah wilayah di mana 5 buah negeri daripadanya mempunyai kuasa pemerintahan secara autonomi dan pusat pemerintahan adalah terletak di Beijing. Walaupun kini negara China diperintah oleh Parti Komunis China yang pada asas kurang mesra dengan institusi agama, beberapa agama dan kepercayaan masih lagi diamalkan antaranya Buddha, Tao, Islam, Protestan dan Katolik. Dengan bentuk muka buminya yang luas dan berbagai ragam fenomena alamnya, China amat kaya dengan lanskap alam semula jadi yang menarik. Antaranya Zhangjiajie (Hunan), Hanging Temple (Shanxi Sheng), topografi karst di Guilin, tanaman padi teres bertingkat di Dazhai dan banyak lagi.

Sepanjang sejarah kemunculannya, China amat terkenal dengan kewujudan tamadun manusia yang hebat dan tinggalan sejarah yang menarik dan luar biasa pencapaiannya. Bermula kira-kira 5000 tahun silam dengan beberapa buah kerajaan awal, namun China juga pernah diperintah oleh beberapa buah dinasti antaranya adalah seperti Dinasti Qin (221-207 SM), Dinasti Tang (618-908) dan Dinasti Song (960-1279). Selain mempunyai keunggulan dalam seni binanya yang hebat sebagaimana kita menyaksikan keunikan Tembok Besar China, negara ini juga terkenal dalam menghasilkan pelbagai jenis seramik yang bermutu tinggi, alatan logam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan sebahagian besar keunikan sosiobudaya masyarakatnya masih utuh terpelihara sehingga mampu menggamitkan kunjungan pelancong sepanjang tahun.

## LATAR BELAKANG

Secara keseluruhannya, jumlah penduduk negara China adalah melebihi 1.3 bilion orang dengan pelbagai aneka ragam etnik dan kepercayaan. Kadar pertumbuhan penduduk China adalah sebanyak kira-kira 8% setahun. Sehingga kini sebanyak 55 kelompok etnik yang terdapat di China dan diiktiraf oleh pemerintah. Antara etnik yang terdapat di China ialah etnik Han, Li, Miao, Uyghur, Uzbek, Zhuang, Bouyei, Shui, Dong, Dai, Yueh, Achang, Dongxiang, Lahu, Hui dan sebagainya. Walaupun penduduk China adalah berselerak, namun lazimnya pola petempatan mereka adalah dalam keadaan berkelompok mengikut etnik atau ras. Justeru itu banyak elemen yang berkaitan dengan sosiobudaya didapati masih kekal dan ia diwarisi dari satu generasi ke generasi yang berikutnya.

Dari deretan senarai etnik yang wujud di China, salah satu etnik yang ingin dibicarakan dalam kertas kerja ini ialah etnik Luoyue. Pemilihan etnik ini adalah disebabkan oleh penemuan lukisan gua di Huashan Rock Art dipercayai dihasilkan oleh etnik ini suatu ketika dahulu. Secara umumnya, petempatan etnik Luoyue adalah di sepanjang Sungai Zuojiang dan kewujudan mereka dipercayai semenjak kira-kira kurun ke-5 SM hingga abad ke-2 Masihi lagi. Lokasi petempatan etnik ini terletak di kawasan Huashan, Guangxi iaitu di bahagian tenggara China (Hu Pengcheng, 2004). Dari segi kedudukan geografi, wilayah Guangxi terletak di antara 20°54' hingga 26°23' (utara) dan 104°28' hingga 112°04' (timur) di bahagian tenggara China yang meliputi kawasan seluas 236,00 km<sup>2</sup> (Man-Fu Hou, et al., 2010). Dengan bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan diselang seli dengan taburan bukit batu kapur, didapati topografi kars dianggarkan boleh mencapai 40% daripada keseluruhan wilayah Guangxi.



Peta 1. Kedudukan Wilayah Guangxi Dalam Peta Negara China  
 Sumber: C. Cindy Fan & Mingjie Sun, 2008

Sementara itu, jika ditinjau dari segi sejarah, asal usul etnik Luoyue adalah merupakan salah satu daripada cabang etnik Baiyue, di mana kemunculannya pernah dikaitkan dengan pemerintahan Dinasti Shang dan Zhou (1600-256 SM), diikuti Dinasti Qin dan Han (221 SM- 220 M). Sepanjang berada di bawah pemerintahan Dinasti Qin (221 SM-207 SM), daerah Chongzuo (Guangxi) diletakkan di bawah pentadbiran Xiang Prefecture. Walau bagaimanapun, kini daerah ini telah mendapat kuasa autonomi daripada pemerintah China (*Guangxi Zhuang Autonomous Region*) dan ia majoritinya didiami oleh etnik Zhuang.

Wujud hubungan yang sangat erat khususnya dari segi sejarah di antara etnik Luoyue dan Zhuang di kawasan Chongzuo. Ini kerana kedua-dua etnik ini adalah antara terawal yang mengamalkan kebudayaan Zhuang. Semasa di bawah pemerintahan Dinasti Qing (1616-1912), tekanan daripada etnik Han memberi kesan kepada beberapa etnik lain di China. Keadaan ini turut memberi kesan kepada etnik Zhuang sehingga mereka mencari lokasi lain untuk meneruskan kehidupan. Kesannya, etnik Zhuang akhirnya berselerak dan akhirnya ada yang menetap di Guangxi. Namun demikian, ada juga etnik Zhuang yang memilih untuk menetap di kawasan persekitaran berhampiran dengan Guangxi termasuk di Chongzuo.

Namun demikian tidak dinafikan ada juga pandangan dari beberapa sarjana China yang menyatakan kemungkinan besar etnik Zhuang adalah merupakan nenek moyang kepada etnik Luoyue. Ini berdasarkan fenomena seakan wujud perkongsian budaya antara kedua etnik ini khususnya dalam aspek pemujaan roh nenek moyang mereka sehingga tradisi tersebut berkembang dalam berbagai bentuk adat dan kepercayaan. Hingga kini masih ada beberapa jenis upacara atau adat untuk pemujaan roh nenek moyang akan diadakan, antaranya Chinese Duanwu Festival (*Dragon Boat Festival*). Justeru itu, kebiasaannya pada bulan Februari-Mac setiap tahun bandar Guangxi akan menjadi tuan rumah bagi pesta kebudayaan. Acara tahunan ini menjadi lebih meriah kerana ia turut disertai oleh pelbagai etnik yang menampilkan pakaian tradisional yang menjadi identiti masing-masing. Pelbagai acara dan kegiatan yang berkait dengan kebudayaan diadakan serta ia disambut secara besar-besaran. Sementara itu, dari segi penghasilan komoditi khususnya hasil pertanian, China juga adalah pengeluar ubi kayu yang terbesar. Selain itu China juga adalah

pengeluar gula yang kedua yang terbesar di dunia (A. Sleight, et. al. 1998). Dengan diberi anugerah alam semula jadi yang subur secara tidak langsung membantu wilayah Guangxi menjadi antara lokasi pengeluar padi yang penting di China.

Etnik Luoyue amat terkenal dengan kegiatan pertanian khususnya menanam padi. Selain itu, tanaman lain juga diusahakan seperti jagung, kentang, tebu, sayur-sayuran, kacang tanah, kacang soya, labu dan sebagainya. Malahan hingga kini kawasan Chongzuo, Guangxi adalah antara pengeluar gula perang yang penting di China selain daripada hasil pertanian yang lain. Pendek kata, kehijauan panorama kawasan Chongzuo adalah disebabkan oleh giatnya aktiviti pertanian yang diusahakan oleh masyarakatnya sehingga kini. Walaupun jika dilihat dari kejauhan persekitaran Chongzuo adalah berbukit bukau dan kadang kala diselitkan dengan bukit batu kapur, namun ia juga diairi oleh beberapa batang sungai sehingga telah menjadikan tanah di kawasan ini sangat subur untuk aktiviti pertanian.




Foto 1. Gua Batu Kapur (Huashan)

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

Realitinya, kedudukan gua batu kapur Huashan berada dalam kawasan atau lingkungan topografi kars menyebabkan ia juga menampilkan lanskap alam semula jadi yang menarik. Wujud kepercayaan dalam kalangan etnik Luoyue bahawa alam semula jadi amat penting dan ia perlu dihormati bagi memastikan kehidupan mereka terus makmur. Walau bagaimanapun, didapati sebahagian besar etnik Luoyue masih mengamalkan kepercayaan animisme disebabkan kedudukan mereka yang terlalu dekat dengan alam semula jadi. Justeru itu setiap kali lepas musim menuai biasanya akan diadakan pelbagai perayaan dan pesta kebudayaan sebagai upaya untuk menzahirkan penghormatan kepada nenek moyang mereka.

Dengan memiliki keunikan dan kekayaan budaya yang ditinggalkan oleh etnik Luoyue, etnik Zhuang kini mewarisi kemahiran dalam industri kraf tangan seperti menganyam, tenunan, batik, sulaman, teknik menghasilkan kertas dan ukiran kayu. Selain itu, mereka juga terkenal dengan hiasan rumah yang berwarna terang, kaya dengan warisan cerita lisan, puisi, legenda dan cerita dongeng menyebabkan mereka berbangga untuk terus mempertahankan tradisi tersebut. Keunikan lukisan gua tersebut telah menggamit kedatangan ramai pelancong tempatan dan juga pelancong dari seluruh dunia. Secara tidak langsung juga imej lukisan gua Huashan (Gunung Hua) telah menjadi ikon kepada bandar Chongzuo, Guangxi, China.

### **Lukisan Gua**

Lukisan gua atau kadang-kadang juga disebut 'lukisan purba' atau 'lukisan primitif', namun dalam bahasa Inggeris biasanya disebut sebagai 'rock painting', 'rock carving', 'rock engravings', atau 'rock

art'. Ia merupakan sejenis penghasilan seni tampak di atas permukaan batu atau dinding gua batu kapur. Walau bagaimana masih banyak lagi istilah yang sering digunakan oleh penyelidik, antaranya ialah;

*Carved rocks, carved symbols, cup-and ring art, cup and ring carvins, cup-and-ring engravings, cut-and-ring marked stones, cup-and-ring markings, cup-and-petroglyphs in the gallego-atlantic tradition, dot-and-ring marks, gallego-atlantic style, Galician style rock art, uncised markings, inscriptios, North British style, petrogliphs, ring cutting, rock markings, rock motifs, scribings, sculpture rocks or sculturings* (Rock Art Pilot Project 2000).

Selain itu, definisi atau istilah *rock art* seperti yang digunapakai dalam *Rock Art Pilot Project: Main Report*, United Kingdom antara lain menyebut seperti berikut;

*Symbols, shapes, lines, or other images and designs cut, engraved, incised, etched, ground or pecked into the surface of stone boulders, slabs, or surface, whether forming part of the nature bedrock, earthfast or incorporated into a structure* (Rock Art Pilot Project 2000).

Secara amnya, lukisan gua terdapat di serata dunia dan ia sering dibincangkan oleh para sarjana dalam pelbagai perspektif. Antara beberapa tapak yang pernah ditemui di dunia adalah seperti tapak lukisan gua di Kazakhstan (Semirechye, Sholakhideli, Arpauzen dan Eshkiolmes) (Alexey E. Rogozhinskiy 2011), Kyrgystan (Talas Valley, Kenkol River Valley, Karakol and Uch-Koshoy River Valley) (Bakyt Amanbaeva, et. al. 2011) dan Uzbekistan (Bokhali, Kirbukhan, Bironsay, Sasmishsay). Selain itu tapak lukisan gua juga ditemui di Monggolia (Bayan Olgii aimag), Peranchis (Chauvet Cave & Lascaux Cave), Sepanyol (Cave Painting, Deer Hunt), Afghanistan (Wakhan) (John Mock 2013) dan banyak lagi tapak di serata dunia. Umpamanya, dengan mengambil contoh keistimewaan Gua Lascaux (Lascaux Caves) di Perancis, tapak tersebut merupakan satu jaringan gua yang menempatkan lebih 900 lukisan di dinding gua sejak zaman Paleolitik. Tapak ini dijumpai pada tahun 1940 oleh empat orang kanak-kanak secara tidak sengaja. Sebagai satu cara untuk berkongsi keunikan dan keistimewaan, gua ini dibuka kepada orang awam secara rasmi pada tahun 1948. Walau bagaimanapun, kesan daripada pembukaan gua kepada orang awam mulai menjejaskan lukisan gua yang ada pada dinding gua tersebut. Akhirnya ia ditutup pada tahun 1963 bagi membolehkan usaha pemuliharaan lukisan tersebut dilakukan. Hanya mereka yang tertentu sahaja dibenarkan masuk hatta pengawal gua tersebut pun hanya dibenarkan masuk sekali seminggu selama beberapa minit sahaja. Ekoran penutupan itu, sebuah gua dibina menjadi replika kepada gua asal dan ia dinamakan Lascaux II dan dibuka kepada orang awam untuk menghayati keunikan lukisan gua tersebut.

Berikut adalah contoh lukisan gua yang ditemui di Bezegli-dere (Turkkmenistan), Asia tengah.




Foto 2. Motif Unta di Rock Art, Bezegli-dere (Turkkmenistan)

Sumber: ICOMOS 2011

Selain daripada individu atau masyarakat yang terlibat dalam menghasilkan lukisan gua, isu seperti sejak bila atau zaman mana ia dihasilkan, pentarikhan, pemuliharaan (conserve) dan sebagainya sentiasa menjadi polemik dalam kalangan sarjana. Di samping itu, isu lain yang turut dibincangkan ialah sejauhmana wujud hubungkait di antara lukisan gua tersebut dengan sosiobudaya masyarakat yang menghasilkan. Ini kerana secara tidak langsung lukisan gua seolah-olah berperanan sebagai medium seni visual yang dihasilkan oleh masyarakat zaman prasejarah untuk menyampaikan informasi. Ini adalah disebabkan pada zaman tersebut tidak ada sistem tulisan seperti yang ada dalam masyarakat moden pada hari ini. Antara motif atau lakaran lukisan gua yang pernah dicatat ialah seperti kuda, rusa, unta, babi hutan, kijang, burung hantu, dubuk, harimau bintang, *mammoths*, *ibexes*, beruang, penguin, bison, singa, badak sumbu, serigala dan sebagainya. *Style* atau *trend* motif binatang yang dipaparkan pada lukisan gua sering kali mengikut persekitaran setempat. Misalnya, kalau lokasi itu berada di kawasan gurun, maka lazimnya ia menampilkan motif unta iaitu sejenis binatang yang hidup di padang pasir. Manakala untuk kawasan sejuk atau tundra, ia menggunakan binatang seperti *bison*, rusa, *mammoths*, *ibexes* atau beruang.

Realitinya lukisan gua dihasilkan oleh masyarakat zaman lampau adalah sebagai satu kaedah untuk menyampaikan sesuatu maklumat, cerita dan sebagainya. Ini adalah berdasarkan paparan imej lukisan gua adalah di bahagian permukaan gua sama ada di bahagian luar atau dalam gua. Selain itu, kedudukan tinggi atau rendah lukisan gua adalah tidak sama antara satu lukisan gua dengan tapak lukisan gua yang lain.



Foto 3. Motif Manusia di Gua Batu Kapur Huashan

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

Seperti yang kita ketahui, terdapat 3 jenis teknik atau kaedah yang sering dipraktikkan untuk menghasilkan lukisan gua iaitu;

a) *Teknik petroglif (petroglyph)*

Teknik petroglif (*petroglyph*) merupakan pembentukan imej melalui beberapa jenis teknik seperti pahatan, lorekan, goresan, torehan atau kelaran. Ia dilakukan pada permukaan batu dengan menggunakan sejenis alat yang tajam dan bersifat keras (Sanim Ahmad, 2005). Teknik pahatan akan menggunakan tenaga untuk menghasilkan daya ketukan ke atas sejenis alat yang keras sama ada berupa batu atau besi. Lazimnya teknik pahatan yang dilakukan berulang kali akan membentuk imej yang dikehendaki. Begitu juga dengan teknik lorekan, goresan atau kelaran pada permukaan batu akan dilakukan berulang kali dengan menggunakan sejenis alat yang tajam sama ada batu atau besi sehingga menghasilkan imej yang dikehendaki. Namun demikian teknik pahatan akan menggunakan tenaga individu berbanding dengan teknik lorekan, goresan atau kelaran pada permukaan batu belum pernah dilaporkan di negara ini. Antara contoh lukisan gua yang menggunakan kaedah petroglif ialah Chauvet Cave, Perancis.



Foto 4. Motif Kuda di Chauvet Cave, Perancis  
*Sumber:* Clottes 2008

b) *Piktograf (pectograph)*

Teknik piktograf (*pectograph*) merupakan teknik melukis secara langsung (melukis terus) di atas permukaan batuan gua. Teknik ini dilakukan dengan menggunakan bahantara yang boleh menghasilkan warna seperti hematite, arang, tulang dibakar atau tanah liat (Sanim Ahmad 2005). Di antara alat yang digunakan adalah seperti kayu, tulang atau dengan menggunakan bulu haiwan. Teknik ini lebih bebas dan ia terhasil secara langsung dari idea seseorang individu yang terlibat. Teknik ini juga memerlukan ketekunan dan sensitiviti kerana ia jelas menunjukkan manifestasi berasaskan kombinasi pengalaman dan daya kreativiti pelukis. Lukisan yang menggunakan teknik ini banyak juga dilaporkan ditemui di negara ini sama ada ia menggunakan arang atau dari jenis *hematite*. Antara lukisan gua yang menggunakan kaedah piktograf ialah lukisan gua di Huashan Rock Art, China.



Foto 5. Motif Manusia dan Gendang Gangsa  
*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'  
 Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

c) *Hand stencil*

Teknik *hand stencil* adalah sejenis teknik khusus menggunakan jari tangan dan semburan. Tangan dijadikan asas dengan meletakkannya di atas permukaan batu gua, kemudian semburan dibuat dengan menggunakan warna yang telah dipilih. Tangan diangkat setelah selesai semburan dibuat dan ia sekaligus menghasilkan imej tangan seolah-olah dicop dengan menggunakan teknik acuan. Satu lagi teknik ialah dengan mewarnakan tapak tangan atau mencelup tangan ke dalam bahan pewarna (Sanim Ahmad 2005). Kemudian tapak tangan yang telah berwarna tersebut diletakkan di atas permukaan batu gua sehingga ia menghasilkan cop tapak tangan. Jumlah motif dan bentuk *design* yang dihasilkan pada permukaan dinding adalah bergantung kepada berapa kali jumlah proses *hand stencil* yang

dilakukan. Antara contoh lukisan gua yang menggunakan kaedah *hand stensil* ialah Chauvet Cave, Peranchis.



Foto 6. Hand Stensil di Chauvet Cave, Peranchis  
Sumber: Clottes 2003

### ***Huashan Rock Art***

Sehubungan dengan itu, jika kita melihat dalam konteks lukisan gua di tapak *Huashan Rock Art*, Chongzuo, Guangxi, China, adalah jelas sekali ia dihasilkan dengan menggunakan kaedah piktograf. Sementara itu, jika ditinjau dari segi pengelasan atau jenis lukisan gua, sarjana China mengaitkannya dengan era atau period sejarah tempatan. Misalnya, menurut Hu Pengcheng, kewujudan lukisan gua di Huashan dapat dibahagikan kepada tiga era iaitu *Rentoushan cliff drawing*, *Zuojiang Huashan cliff drawing* dan *western, central & nothern Guangxi cliff drawing* (Hu Pengcheng 2004). Kesemua lukisan gua di tapak ini dihasilkan menggunakan hematit iaitu sejenis bahantara yang mengandungi sebatian oksid besi (Guo Hong et. al. 2005). Sifat bahan ini ialah menghasilkan pigmen warna kemerah-merahan dan ia seringkali digunakan oleh masyarakat zaman prasejarah sebagai bahantara untuk upacara pemujaan. Sementara itu, jika ditinjau dari aspek pentarikhkan lukisan gua Huashan yang dibuat oleh penyelidik China dengan menggunakan kaedah carbon<sup>14</sup> adalah dalam lingkungan 690 BP (Guo Hong et. al. 2010).

Memandangkan kedudukan tapak ini adalah di kawasan agak pedalaman yang dihuni oleh etnik Luoyue, maka skop perbincangan ini juga berfokus kepada sosiobudaya masyarakat tersebut. Eratnya hubungan etnik Luoyue dengan alam semula jadi telah menjadikan etnik ini sangat kreatif dalam menzahirkan emosi mereka. Kira-kira sekitar 2000 tahun yang silam, etnik Luoyue telah membuat lakaran lukisan pelbagai imej di dinding gua batu kapur yang terletak di sepanjang tebing Sungai Ming. Berbanding dengan kewujudan beberapa tapak lukisan gua yang terdapat di negara lain sama ada di Asia atau lain-lain kawasan, didapati imej lukisan gua ini merupakan jajaran kompleks lukisan gua yang terbesar. Tapak ini dikenali dengan nama 'Huashan Rock Art', terletak di Chongzuo, Guangxi, China.

Pada tahun 2016, tapak *Huashan Rock Art* ini telah mendapat pengiktirafan dunia kerana telah tersenarai dalam warisan dunia. Justeru itu sebuah muzium khusus telah dibina di Chongzuo sebagai satu usaha pemuliharaan untuk menghimpunkan semula paparan imej lukisan gua yang ditemui di tapak tersebut. Pameran ini diadakan di Muzium Chongzuo, Guangxi dan ia dikenali 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'. Menariknya, di pintu masuk sebelah luar muzium ini telah dibuat replika dinding gua dengan ketinggian hampir 70 meter yang memaparkan pelbagai jenis imej lukisan gua yang dihasilkan oleh masyarakat Luoyue. Daripada 38 lokasi tapak lukisan gua di Zuojiang Hushan Rock Art, sebanyak 3315 adalah terdiri dari imej manusia yang lengkap atau kira-kira sebanyak 82% dari keseluruhan imej. Sementara itu sebanyak 1152 pula memaparkan imej dari pandangan sisi (*front-view figures*) dan sebanyak 2163 pula dari pandangan sisi (*side-view ones*). Jika dilihat imej dari pandangan sisi imej yang dipaparkan seolah-olah menunjukkan manusia sedang berdiri, memanjat dan sebagainya.



Secara keseluruhan, kebanyakan ukuran ketinggian imej lukisan gua (khususnya imej manusia) adalah kira-kira 1.0 hingga 1.5 meter dan imej manusia yang paling besar adalah bersaiz 3.58 meter tinggi. Secara kasarnya, keluasan atau lokasi lukisan gua ini terpapar di dinding gua yang berada di tebing Sungai Ming di dalam lingkungan kira-kira 270 meter tinggi dan 350 meter lebar. Imej yang dipaparkan berada di antara 30 hingga 90 meter di atas permukaan air, mencapai keluasan kira-kira 8000 meter persegi (Guo Hong et al. 2010).

### Motif dan Pola Hiasan

Hasil kajian oleh sarjana China mendapati sebanyak 38 buah lokasi yang memaparkan lukisan gua terletak di sepanjang Sungai Zuojiang. Secara keseluruhan, daripada 38 buah lokasi lukisan gua yang terdapat di Chongzuo, secara teknikalnya ia terdiri daripada 109 buah panel. Kesemua panel tersebut memaparkan kira-kira 4050 imej atau figura sama ada berbentuk besar mahupun bersaiz kecil. Secara keseluruhannya, klasifikasi lukisan gua boleh dibahagikan kepada 3 kategori, iaitu;

#### a. Manusia

Imej manusia yang dipaparkan pada dinding gua adalah motif yang paling popular. Imej manusia dilukis dalam pelbagai bentuk yang menggambarkan aktiviti yang dilakukan. Misalnya, ada imej manusia yang dilukis dalam kedudukan berdiri dengan kedua belah tangan menedepa ke atas, malah ada juga yang seolah-olah memegang objek berupa senjata. Sementara kakinya adalah keadaan berdiri sambil membuka kakinya. Ada juga pandangan imej manusia yang ditampilkan dalam keadaan berdiri tersebut adalah berkaitan dengan seni mempertahankan diri orang China iaitu Kungfu. Ini berdasarkan kedudukan imej manusia adalah dalam keadaan berdiri 'kekuda' iaitu langkah bersedia dalam seni bela diri.



Foto 7. Motif Manusia Dalam Pelbagai Bentuk di Gua Batu Kapur Huashan  
*Sumber: 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition,*  
 Chongzuo Museum, Guangxi.

Di samping itu, bentuk hiasan kepalanya bermacam ragam berkemungkinan ada yang menggunakan bulu burung, kaki yang diikat di kepala malah ada hiasan yang seolah-olah hiasan seperti orang Minangkabau di Sumatera. Hiasan seperti ini adalah antara identiti masyarakat Zhuang hingga ke hari ini. Lebih menarik lagi ada lukisan imej manusia yang menunjukkan ia adalah lelaki berdasarkan ada senjata sulit. Manakala imej wanita diwakili dengan imej wanita sedang mengandung kira-kira 3-5 bulan berdasarkan keadaan saiz perutnya yang membesar. Kedua-dua motif manusia ini dapat diperhatikan di dalam rajah berikut.




Foto 8. Variasi Motif Manusia

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'  
Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

#### b. Artifak

Selain itu manusia, lukisan gua di Huashan juga memaparkan pelbagai jenis imej artifak, antaranya ialah senjata, gendang gangsa dan sebagainya. Imej gendang gangsa yang dipaparkan adalah berupa imej berbentuk bulat yang dikaitkan dengan gendang gangsa. Walaupun tidak semua, namun ada sesetengah lakaran bulatan tersebut amat jelas menampilkan motif matahari yang terletak di tengah timpanum gendang gangsa. Mengikut pandangan sarjana China, imej gendang gangsa lebih mirip kepada corak gendang gangsa dari jenis Wanjiaba dan Shizhaishan. Antara corak gendang gangsa Wanjiaba ialah cicak atau buaya, corak dan berlian. Manakala corak Shizhaishan pula berbentuk bintang, burung pucung, motif perahu, motif mata gergaji (saw tooth pattern), binatang (ox pattern) dan manusia yang sedang menari (dancer pattern). Selain gendang gangsa turut ditemui objek yang dikenali sheep horn bell yang fungsinya lebih kepada bunyi dan digunakan sewaktu upacara atau majlis keramaian. Motif berikut menunjukkan lorekan lukisan gua yang menampilkan imej objek gendang gangsa dalam keadaan pelbagai bentuk dan imej. Kedudukan lukisan berbentuk gendang gangsa ini boleh dilihat pada dinding gua Huashan Rock Art yang kebiasaannya ditemui di tengah kelompok imej manusia.



Foto 9. Motif Timpanum Gendang Gangsa

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'  
Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

Selain gendang gangsa, lukisan gua di Huashan juga ada memaparkan sebanyak 174 bilah pedang dan 39 bilah kepala pedang yang berlubang (ring-head swords). Selain itu, terdapat juga objek berbentuk pedang yang bersaiz pendek namun ia memaparkan ciri yang menarik

berdasarkan bentuknya yang kemas dan cantik. Imej senjata ini kebanyakan dipakai di pinggang manusia, malah ada juga yang mengangkat senjata di atas kepala.




Foto 10. Motif Senjata

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

Selain gendang gangsa dan pedang, antara objek lain yang turut dipaparkan pada dinding gua tersebut ialah sejenis artifak yang dipanggil 'sheep horn bell'. Sebanyak 11 buah imej atau motif ini di Gaoshan rock art dan Ningming Huashan Rock Art, Guangxi, yang dipercayai dihasilkan semasa pemerintahan Dinasti Han. Fungsi objek ini adalah lebih kepada untuk menghasilkan bunyi dan ia juga dikaitkan dengan alat muzik tradisional oleh masyarakat tempatan. Apa yang menariknya ialah objek ini juga turut ditemui di utara Vietnam yang menunjukkan perkaitan antara etnik di China dan masyarakat tempatan di utara Vietnam. Namun di utara Vietnam objek ini dipanggil loceng gangsa yang menunjukkan ada pengaruh kebudayaan Dongson.



Foto 11. *Sheep Horn Bell*

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

### c. Binatang

Lukisan gua di Huashan juga ada memaparkan imej binatang di beberapa bahagian pada dinding gua. Antara imej binatang yang paling banyak jumlahnya ialah anjing dengan 113 imej, manakala imej burung pula adalah satu sahaja. Imej anjing yang dipaparkan adalah dalam keadaan berdiri,

berkemungkinan dalam keadaan bersedia untuk memburu sekiranya diarahkan oleh tuannya. Imej anjing yang dipaparkan tersebut menunjukkan anjing dengan ekornya tegak ke atas, sama ada dalam keadaan menyalak, mengaum atau sebagainya. Selain imej anjing, motif lain boleh dikesan daripada pola hiasan gendang gangsa yang ditemui di beberapa tapak di China.



Foto 12. Motif Anjing

*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'  
Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

### Gendang gangsa dalam etnik Luoyue

Secara umumnya, kedudukan gendang gangsa dalam sosiobudaya etnik Luoyue boleh dilihat dari beberapa aspek, antaranya;

#### a. Pemujaan Dewa dan Roh Nenek Moyang

Salah satu unsur penting di dalam sosiobudaya etnik Luoyue ialah pemujaan terhadap dewa dan roh nenek moyang. Pemujaan terhadap dewa merupakan sebahagian tradisi yang diamalkan oleh kebanyakan etnik di China. Misalnya, pada 8 April pula mereka akan menyembah 'Dewa Lembu' iaitu dengan membiarkan lembu berehat selama satu hari dan membiarkannya makan rumput hijau dan beras. Sementara itu, pada 3 Mei (kalender lunar) mereka akan menyembah 'Dewi Puan Bunga' yang bertanggungjawab mengenai kematian dan kehidupan. Antara persembahan yang perlu dilakukan ialah mengumpul wang dan membunuh babi. Mengikut tradisi ini etnik Luoyue juga akan membersihkan kubur nenek moyang yang telah meninggal dunia. Selain itu, masih banyak lagi upacara yang berkaitan dengan pemujaan dan perayaan yang umumnya adalah sebagai tanda hormat dan kasih kepada nenek moyang mereka.

Foto 13 berikut menunjukkan kedudukan manusia dalam keadaan berdiri sedang melakukan sesuatu upacara atau persembahan. Gambaran mengenai acara pemujaan ini berdasarkan paparan imej manusia yang terdapat di dinding gua Huashan. Manusia digambarkan dalam keadaan berdiri dengan tangan terbuka ke atas dan kaki yang terbuka berdiri seolah sedang menari dalam bentuk pemujaan atau membuat persembahan kepada dewa atau tuhan. Kebanyakan kelompok manusia tersebut memakai hiasan di kepala seolah sedang menghadap atau mengelilingi sesuatu objek iaitu gendang gangsa.



Foto 13. Gua Batu Kapur (Huashan)  
*Sumber: 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'*  
*Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.*

#### b. Pesta atau majlis keramaian

Selain upacara pemujaan, etnik Luoyue juga sering terlibat di dalam acara berbentuk keramaian dan pesta. Semasa pesta keramaian berlangsung, gendang gangsa adalah salah satu alat muzik tradisional yang popular digunakan kerana ia berkait dengan sejarah kepenggunaannya dalam sosiobudaya masyarakat tempatan. Upacara ini lazimnya diadakan pada bulang Februari setahun sekali terutama selepas musim menuai, malahan tradisi ini masih diteruskan hingga kini sebagai acara tahunan. Gambaran ini juga adalah berdasarkan kepada lukisan gua yang dipaparkan pada dinding gua yang menunjukkan sekumpulan manusia sedang berkumpul beramai-ramai sedang melakukan aktiviti tertentu.



Foto 14. Etnik Zhuang sedang memukul gendang gangsa  
*Sumber: 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'*  
*Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.*

Foto di atas menunjukkan etnik Luoyue sedang memukul gendang sebagai acara untuk menyambut kedatangan tetamu iaitu salah satu tradisi yang diamalkan oleh mereka. Gambaran tentang keseronokan dan kegembiraan ini lebih terserlah dengan trend pakaian tradisi etnik Luoyue yang memakai hiasan di kepala dalam berbagai corak warna dan hiasan. Pakaian tradisi ini masih utuh diamalkan dan sering digunakan semasa keramaian atau pesta. Tidak dinafikan sekali imbas bentuk hiasan di kepala yang diamalkan oleh etnik Luoyue ini adalah mirip kepada masyarakat Minangkabau di Sumatera. Sejauhmana hubungkait kedua-dua masyarakat ini masih perlu dibuat kajian lanjut dan komprehensif lagi.



Foto 15. Hiasan Kepala Etnik Zhuang  
*Sumber:* 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people'  
 Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

### c. Lumba Perahu

Lukisan yang dipaparkan pada dinding gua di Huashan Rock Art juga turut menampilkan objek berbentuk senjata sama ada pedang, parang, belati dan sebagainya. Walaupun tidak diketahui dengan jelas jenis senjata tersebut, namun berdasarkan bentuknya yang tajam di bahagian hujungnya menunjukkan ia adalah sejenis objek yang penting. Tambahan pula lukisan berbentuk senjata tersebut diletakkan secara bersilang pada bahagian pinggang manusia yang sedang berdiri seolah dalam keadaan bersedia untuk berperang, berburu atau mempertahankan diri. Penemuan motif anjing juga seolah-olah mengukuhkan lagi pandangan tentang aktiviti memburu yang diamalkan oleh masyarakat awal untuk mendapatkan binatang liar seperti babi hutan, kijang dan sebagainya.

### d. Aktiviti Memburu

Salah satu lukisan gua yang dipaparkan pada Huashan Rock Art ialah objek berupa sebuah perahu yang dinaiki oleh beberapa orang. Tidak diketahui dengan jelas maksud motif ini, namun dalam hal ini ada dua pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana. Pertama, ia berkaitan dengan tradisi lumba perahu yang menjadi kebanggaan sebahagian besar etnik di China. Ini disebabkan oleh fenomena alam di China yang terdiri daripada beberapa batang sungai yang besar dan ia merupakan salah satu sistem pengangkutan yang popular dalam kalangan masyarakat tempatan. Tradisi lumba perahu menjadi penting kerana ia berkait dengan pertandingan yang melibatkan daerah atau etnik yang berlainan. Sepanjang pertandingan ini juga setiap etnik akan memakai pakaian tradisi masing-masing sebagai menonjolkan identiti mereka.

Kedua, ada juga pandangan yang mengaitkan ia dengan sejenis kenderaan atau alat pengangkutan yang membawa roh orang mati ke alam akhirat. Motif perahu ini dipaparkan pada dinding gua di tapak ini dan bentuknya juga mirip dengan corak motif perahu yang dipaparkan pada gendang gangsa. Ini menunjukkan perahu adalah sejenis alat pengangkutan yang penting dalam tradisi etnik Luoyue sejak dari zaman silam lagi.



Foto 16. Gua Batu Kapur (Huashan)

Sumber: 'Huashan Rock Art-the marvelous works of the Luoyue people' Exhibition, Chongzuo Museum, Guangxi.

## KESIMPULAN

Penemuan lukisan gua di beberapa tapak arkeologi di seluruh dunia amat penting khususnya dari aspek untuk memahami sosiobudaya sesuatu etnik atau masyarakat. Begitu juga penemuan imej lukisan gua yang dihasilkan oleh etnik Luoyue di Huashan Rock Art, Guangxi, China dalam pelbagai bentuk dan saiz. Setelah ribuan tahun berlalu, keunikan lukisan gua di tapak ini bukan hanya membantu kita untuk memahami sosiobudaya etnik Luoyue di Guangxi, malahan ia kini menjadi ikon penting kepada wilayah Guangxi, China. Pada tahun 2016, tapak ini telah disenaraikan sebagai salah satu tapak warisan dunia oleh UNESCO. Secara tidak langsung pengiktirafan ini sekaligus bukan hanya mengiktiraf daya kreativiti etnik Luoyue semata-mata, malahan ia juga berupaya meletakkan China dalam senarai antara lokasi yang bakal menjadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Apa yang menarik ialah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan lukisan gua di *Huashan Rock Art* sepatutnya menjadi teladan kepada kita untuk mengangkat tapak warisan di negara ini untuk menjadi sebagai salah satu lokasi arkeopelancongan yang menarik.

## RUJUKAN

- A. Sleigh, et al. 1998. Eradication of schistosomiasis in Guangxi, China. Part 1: Setting, strategies, operations and outcomes, 1953-92. *Bulletin* 76(4): 361-372.
- Alexey E. Rogozhinskiy. 2011. Rock art sites in Kazakhstan. In Jean Colttes (ed.). *Rock art in Central Asia*. Paris: ICOMOS
- Bakyt Amanbaeva, et al. 2011. Rock art in Kyrgyzstan. In Jean Colttes (ed.). *Rock art in Central Asia*. Paris: ICOMOS
- C. Cindy Fan & Mingjie Sun. 2008. Regional inequality in China, 1978-2006. *Eurasian geography and economics* 49(1): 1-20.
- Clottes, Jean. 2003. *Return to Chauvet Cave: Excavating the birthplace of art: The first full report*. London: Thames & Hudson.
- Clottes, Jean. 2008. *Cave art*. London: New York: Phaidon Press.
- Guo Hong, Han Rubin, Huang Huaiwu, Lan Riyong & Xie Riwan. 2010. Types of weathering of the Huashan rock paintings. *Conservation of Ancient Sites on the Silk Road: Proceedings Part Seven – Method and treatment*. Los Angeles: Getty Conservation Institute.
- Guo Hong, Han Rubin, Zhao Jing, Huang Huaiwu & Lan Riyong. 2005. Pigment and the preservation of its fading on petroglyphs of the Flower Mointain. *Sciences of conservation & archaeology*. 17 (4): 7-14.
- Hu Pengcheng. 2004. Review of Guangxi cliff drawing research. *Expression*, No. 6. 121-134.
- John Mock. 2013. New discoveries of rock art in Afghanistan's Wakhan corridor an Pamir: A preliminary study. *The silk road – 'The bridge between Eastern and Western cultures'* 11: 36-53.
- Man-Fu Hou, et. al. 2010. Distribution pattern and conservation priorities for vascular plants in Southern China: Guannxi Province as case study. *Botanical studies*. 51: 377-386.

- Rock Art Pilot Project: Main Report*. 2000. London: Institute of Archaeology, University College London.
- Sanim Ahmad. 2005. Lukisan primitif gua batu kapur Malaysia I. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 18: 97-117.

Adnan Jusoh (Ph.D)  
Associate Professor,  
Department of History,  
Faculty of Human Sciences,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: [adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my](mailto:adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my)

Yunus Sauman @ Sabin (Ph.D)  
Senior Lecturer,  
Department of History,  
Faculty of Human Sciences,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: [yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my](mailto:yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my)

Submitted: 12 September 2018

Accepted: 12 February 2019